

## **PR1MA: Sediakan kuota untuk Bumiputera**

**Free Malaysia Today**

**2 April 2014**

**Oleh Ikhwan Zulkaflee**

Sistem pengagihan rumah PR1MA kini tidak menjamin, ianya akan dimiliki oleh golongan muda dan Bumiputera.

KUALA LUMPUR: Pemuda Umno hari ini menggesa pengurusan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) menyediakan kuota unit rumah kepada golongan muda dan Bumiputera.

Menurut Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin, pengagihan rumah dalam skim PR1MA melalui sistem cabutan tidak akan menjamin golongan muda dan Bumiputera mendapat sekurang-kurangnya 30% keseluruhan projek tersebut.

“Pemuda Umno telah buat ketetapan bahawa sistem pengagihan dibawah PR1MA perlu dikaji semula.

“Apabila digunakan sistem cabutan undi ia tidak menjamin bahawa akan ada sekurang-kurangnya 30% pembeli Bumiputera dapat,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Ahli Parlimen Rembau itu menegaskan perlu ada kuota khas untuk golongan muda dan Bumiputera dalam skim PR1MA khususnya di kawasan bandar.

“Kalau tidak, kita tidak akan ada peluang untuk Bumiputera memiliki rumah di kawasan bandar. Kita kena pasikan peluang itu ada, bila dia mohon boleh dapat rumah tersebut

“Ini adalah lanjutan perjuangan kita dalam isu perumahan. Ini semua perjuangan kita untuk terus memberi jaminan untuk memiliki perumahan,” katanya lagi.

Khairy menambah bahawa Pemuda Umno Wilayah Persekutuan akan bertemu dengan pengurusan tertinggi PR1MA Isnin hadapan untuk menyampaikan satu memorandum meminta kuota sekurang-kurangnya 30% untuk Bumiputera dan golongan muda.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/02/pr1ma-sediakan-kuota-untuk-bumiputera/>